



**SURAT PEKELILING KEWANGAN
BILANGAN 5 TAHUN 2016**

**PENGURANGAN JUMLAH PERATUSAN
BAYARAN PENGURUSAN PERUNDINGAN
BAGI PROJEK PERUNDINGAN
YANG KURANG DARI RM50,000.00**

Pejabat Bendahari

14 Mac 2016

Disalinkan kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jilid 6 (5)

14 MAC 2016

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL.5/2016

PENGURANGAN JUMLAH PERATUSAN BAYARAN PENGURUSAN PERUNDINGAN BAGI PROJEK PERUNDINGAN YANG KURANG DARI RM50,000.00

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTj) mengenai pengurangan jumlah peratusan Bayaran Pengurusan Perundingan bagi projek perundingan yang kurang dari RM50,000.00 kepada 15% sahaja berbanding jumlah asal bayaran 20% (bagi klien sektor kerajaan) atau 25% (bagi klien sektor swasta).

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Pekeliling Bendahari Bil. 3/2015 berkaitan Garis Panduan Perundingan Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah diedarkan untuk rujukan semua PTj pada 20 Oktober 2015.
- 2.2 Merujuk para 13.4 dalam Lampiran Garis Panduan Perundingan berkenaan ada menerangkan tentang peratusan yang perlu dimasukkan untuk Bayaran Pengurusan Perundingan (Syarikat (UHSB)/Universiti) bagi semua nilai projek perundingan iaitu :

Para 13.4.1 Kumpulan perunding hendaklah memasukkan bayaran 20% (bagi klien sektor kerajaan) atau 25% (bagi klien sektor swasta) daripada:

- i. *Jumlah Kos Bayaran Profesional / Honorarium; dan*
- ii. *Jumlah Kos Langsung.*

Cara pengiraan adalah seperti berikut:

(Kos Bayaran Profesional / Honorarium + Kos Langsung) x
20% @ 25%

- 2.3 Bayaran pengurusan perundingan akan diagihkan kepada pihak yang terlibat seperti para 13.4.2 dan 13.4.4 Pekeliling Bendahari Bil. 3/2015 (Lampiran Garis Panduan Perundingan).

3.0 PENGURANGAN PERATURAN BAYARAN PENGURUSAN PERUNDINGAN

- 3.1 Pengurangan jumlah peraturan Bayaran Pengurusan Perundingan bagi projek perundingan yang kurang dari RM50,000 iaitu dikurangkan daripada 20% atau 25% telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penjana Pendapatan Universiti (JPPU) Bil. 5/2015 bagi memberi peluang kepada kumpulan projek mendapat lebih faedah dan projek lebih kompetitif.
- 3.2 Satu perbincangan lanjut berkaitan cadangan ini telah diadakan pada 5 Februari 2016 bersama ahli Jawatankuasa Penjana Pendapatan Universiti (JPPU). Mesyuarat Majlis Eksekutif Bil.2/2016 yang diadakan pada 18 Februari 2016 telah memperakukan peraturan penurunan Bayaran Pengurusan Perundingan bagi projek perundingan yang kurang dari RM50,000.00 dikurangkan kepada **15%** untuk **tempoh percubaan satu tahun** sahaja.

4.0 PELAKSANAAN BAYARAN PENGURUSAN PERUNDINGAN BAGI PROJEK PERUNDINGAN YANG KURANG DARI RM50,000.00

4.1 Kumpulan perunding hendaklah memasukkan bayaran 15% bagi klien sektor kerajaan atau sektor swasta daripada:

- i. Jumlah Kos Bayaran Profesional/Honorarium; dan
- ii. Jumlah Kos Langsung.

Cara pengiraan adalah seperti berikut:

$(\text{Kos Bayaran Profesional/Honorarium} + \text{Kos Langsung}) \times 15\%$

4.2 Bayaran Pengurusan Perundingan (Merujuk 15% seperti di atas) sekiranya dilaksanakan melalui Syarikat/UHSB akan diagihkan seperti berikut :

50%	Diagihkan kepada Syarikat (UHSB dan anak-anak syarikat)
20%	Diagihkan kepada Tabung Kewangan PTj yang berkenaan
20%	Diagihkan kepada UTeM
10%	Diagihkan kepada Tabung Kewangan: i. PPNC(JIM) ii. Pusat Pengajian Siswazah (Program Pesisir sahaja).

4.3 Bagi projek perundingan yang dijalankan secara terus di UTeM melalui PTj, Bayaran Pengurusan Perundingan (Merujuk 15% seperti di atas) diagihkan kepada tiga (3) pihak mengikut pecahan yang berikut:

60%	Diagihkan kepada UTeM
30%	Diagihkan kepada Tabung Kewangan PTj yang berkenaan
10%	Diagihkan kepada Tabung Kewangan PPNC(JIM)

5.0 PEMAKAIAN

- 5.1 Peraturan ini adalah berkuat kuasa serta merta sehingga untuk **tempoh percubaan satu tahun sahaja**.
- 5.2 PTj juga hendaklah mematuhi segala peraturan yang digariskan dalam Garis Panduan Perundingan melalui Pekeliling Bendahari Bil.3/2015.

Sekian, terima kasih.

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menurut perintah,



KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

DA/UPP/2016